

21/12/1997

Ghapur sedia timbang keputusan

KOTA KINABALU: Datuk Abdul Ghapur Salleh bersedia menimbang semula hasratnya untuk meletak jawatan Timbalan Ketua Menteri Sabah, selepas mendapat nasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau yang ditemui di rumahnya di Likas, di sini, berkata beliau perlukan sedikit masa lagi bagi membuat keputusan untuk kembali semula memegang jawatan yang dilepaskannya, berkuatkuasa Khamis lalu.

"Saya masih bercuti sehingga penghujung tahun ini, selepas itu saya akan membuat keputusan. Masa masih panjang untuk saya menimbangkannya," katanya.

Ghapur memberi alasan peribadi ketika mengumumkan peletakan jawatan sebagai Timbalan Ketua Menteri dan Timbalan Ketua Badan Perhubungan Umno Sabah, 13 Disember lalu.

Sementara itu, Ketua Perhubungan Umno Sabah, Datuk Osu Sukam, berkata Ghapur sepatutnya mengutamakan perjuangan parti daripada kepentingan peribadi bagi menjamin perpaduan dalam Umno Sabah.

"Saya bersetuju dengan pandangan Dr Mahathir supaya Ghapur menimbang semula cadangannya meletakkan jawatan demi kepentingan parti kerana kedudukan semua pemimpin dalam kerajaan adalah disebabkan Umno," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sekembalinya dari Kuala Lumpur.

(END)